

B515

MAHATHIR-FORMULA

1981

IPOH, 29 OKT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGEMUKAKAN SATU FORMULA UNTUK MEMENUHI +IMPIAN+ KERAJAAN MENJADIKAN NEGARA INI SEBAGAI SEBUAH NEGARA MAJU YANG DIHORMATI OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA.

KATANYA SETIAP PEGAWAI KERAJAAN DAN RAKYAT HENDAKLAH BERUSAHA SETIAP MASA MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KESANGGUPAN BEKERJA MASING-MASING TANPA MENJADIKAN UPAH SEBAGAI FAKTOR PENENTU.

+UPAH SAHAJA HENDAKLAH JANGAN DIJADIKAN PENDORONG TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH RASA BANGGA TERHADAP PENCAPAIAN,+ JELAS BELIAU KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR DUA HARI MENGENAI PEMBANGUNAN DI SINI HARI INI.

SEMINAR TERSEBUT ANJURAN BERSAMA INTAN DAN KERAJAAN NEGERI DIHADIRI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN PEMIMPIN MASYARAKAT DARI SELURUH NEGERI PERAK. — BERSAMBUNG 1233/SZ

B516

MAHATHIR-FORMULA 2 IPOH

SAMBIL MENYEBUT NEGARA JEPUN DAN KOREA SELATAN SEBAGAI CONTOH, PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEDUA-DUA NEGARA TERSEBUT TERUTAMA JEPUN TELAH MENJELMA SEBAGAI KUASA EKONOMI YANG TERKUAT DI DUNIA BUKAN KERANA RAKYATNYA MEMENTINGKAN UPAH TETAPI KERANA KESANGGUPAN RAKYATNYA BEKERJA KERAS.

WALAU PUN NEGARA INI TIDAK MEMPUNYAI RAMAI PAKAR YANG HANDAL BELIAU YAKIN KALAU KESANGGUPAN BEKERJA KERAS DAN KECEKAPAN YANG TINGGI ITU DIJADIKAN ETHIKA BERKERJA OLEH SETIAP ORANG CITA-CITA YANG KERAJAAN IDAMKAN SEKARANG AKAN DAPAT DICAPAI.

BELIAU MENGINGATKAN PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN SUPAYA SENTIASA MEMPELAJARI DARI KEJAYAAN ORANG LAIN DENGAN LEBIH BANYAK MEMBACA DAN MENGHADIRI SEMINAR-SEMINAR YANG DIANJURKAN DARI MASA KE SEMASA.

+ZAMAN INI ADALAH ZAMAN PENGURUS, PERANAN MEREKA YANG BOLEH MENGURUS SUPAYA SEMUA KERJA DAPAT DIATUR DAN DISELARASKAN UNTUK MENCAPI MATLAMAT YANG HENDAK DITUJU ADALAH PENTING,+ TEGAS PERDANA MENTERI. — BERSAMBUNG 1235/SZ

B517

MAHATHIR-FORMULA 3 IPOH

SEBELUM ITU, PENGARAH INTAN, DR. MOHAMED SHAHARI AHMAD JABAR BERKATA SATU SEMINAR KHAS MENGENAI PENGURUSAN PEMBANGUNAN BAGI MENTERI-MENTERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN AKAN DIADAKAN AWAL TAHUN DEPAN.

TUJUANNYA IALAH UNTUK MENINGKATKAN LAGI PERSEFAHAMAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK DALAM MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI SAMPING Mencari penyelesaian bagi masalah-masalah yang dihadapi.

SETAKAT INI, SEMINAR-SEMINAR YANG BERTUJUAN YANG SAMA CUMA DIADAKAN DI PERINGKAT NEGERI DAN DAERAH UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN PEMIMPIN POLITIK TEMPATAN.

NEGERI-NEGERI YANG TELAH MENGADAKAN SEMINAR SEUMPAMA ITU SELAIN DARI PERAK IALAH NEGERI SEMBILAN DAN KEDAH.

— BERNAMA 1240/SZ